



**ASMA ISMAIL**

## NC USIM terima anugerah sedunia

SEREMBAN 1 Okt. - Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Asma Ismail dipilih sebagai salah seorang penerima Anugerah Kepimpinan Pendidikan dalam Persidangan Pemasaran Antarabangsa 2013 yang diadakan di Putrajaya, baru-baru ini.

Anugerah tersebut disampaikan dalam majlis Anugerah Kecemerlangan Bintang Akademik dan Pendidikan 2013 yang diadakan sempena penganturan persidangan berkenaan.

Asma merupakan salah seorang daripada 63 penerima lain dari seluruh dunia termasuk dari Sweden, Turki, Namibia, Brunei, Oman, Indonesia, India, Taiwan, Pakistan, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Mongolia.

Lebih membanggakan, beliau merupakan satu-satunya Naib Canselor institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang dipilih menerima anugerah tersebut.

Anugerah tersebut merupakan anugerah antarabangsa terkini diterima beliau selepas menerima Anugerah Doktor Kehormat Sains dari University of Glasgow, United Kingdom pada Jun lalu.

Sementara itu, Pengerusi Global CMO Asia, Dr. R. L. Bhatia berkata, anugerah itu bertujuan memberi mengiktiraf pencapaian individu dan organisasi yang memberi sumbangan besar kepada pembangunan pendidikan.

"Pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk dan menentukan hala tuju masyarakat dan negara pada masa hadapan.

"Sehubungan itu, kepentingan pendidikan perlu ditekankan sebaik-baiknya kepada golongan pelajar dan di sinilah peranan pendidik amat diperlukan dan seterusnya dihargai," katanya dalam kenyataan Jawatankuasa Anugerah Kecemerlangan Bintang Akademik dan Pendidikan 2013 baru-baru ini.